



SIARAN MEDIA

PROGRAM SEMARAK RAMADAN MADANI 1447H PERINGKAT KEBANGSAAN @ PASAR TANI TAMAN SRI ANDALAS, KLANG

KLANG, 7 Februari 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menganjurkan Program Semarak Ramadan MADANI 1447H Peringkat Kebangsaan bertempat di Pasar Tani Taman Sri Andalas, Klang, Selangor.

Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan bermula 7 hingga 18 Februari 2026 sebagai simbolik pelancaran inisiatif jualan Ramadan di bawah platform Pasar Tani seluruh negara.

Penganjuran program ini bertujuan menyemarakkan kedatangan bulan Ramadan di samping membantu rakyat membuat persediaan awal mendapatkan bekalan makanan dan keperluan harian pada harga berpatutan melalui konsep jualan terus daripada pengeluar kepada pengguna.

Melalui pelaksanaan program ini, pengunjung berpeluang menikmati pelbagai tawaran istimewa termasuk Jualan Kombo Agro MADANI, jualan happy, edaran kurma kepada pengunjung sebagai simbolik perkongsian rezeki bersempena bulan Ramadan yang mulia.

Program Semarak Ramadan MADANI 1774H turut menjadi platform memperkasa pendapatan petani, penternak, nelayan dan usahawan agromakanan tempatan melalui peningkatan peluang jualan serta akses pasaran secara langsung.

Secara khusus, Pasar Tani Taman Sri Andalas yang beroperasi setiap hari Sabtu bermula jam 7.00 pagi hingga 12.00 tengah hari melibatkan seramai 59 usahawan dengan 76 lot jualan. Ditubuhkan sejak Ogos 1998, pasar tani ini merekodkan nilai jualan tahunan sebanyak RM2,367,410.40 bagi tahun 2025.

Melalui penganjuran program ini, usahawan Pasar Tani berpeluang meningkatkan hasil jualan serta daya saing, sekali gus memperkukuh peranan Pasar Tani sebagai pusat bekalan utama keperluan dan pengunjung menikmati harga yang lebih berpatutan sepanjang bulan Ramadan.

Pelaksanaan program ini selari dengan Hala Tuju KPKM 2026 yang memberi fokus kepada pengukuhan keterjaminan makanan negara, pemodenan rantai bekalan, pendigitalan pemasaran agro serta peningkatan pendapatan pengeluar tempatan.

Selain itu, inisiatif ini turut mendukung aspirasi Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 (DKMN 2030) yang menekankan keperluan memastikan bekalan makanan mencukupi, stabil dan mampu diakses oleh rakyat melalui sistem rantai bekalan berdaya tahan.

Program Semarak Ramadan MADANI 1447H menyasarkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM50 juta melibatkan 680 lokasi di seluruh negara.

KPKM menerusi FAMA akan terus memperluas pelaksanaan program intervensi pasaran seperti ini bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara di samping memperkukuh sekuriti makanan negara secara menyeluruh.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Korporat&Advokasi FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
6 FEBRUARI 2026**